

Dimensi Maqasid Syariah dalam Hujah Pempfatwaan Isu Masa Kini [The Dimension of Maqasid Shariah in the Legal Argumentation of Contemporary Issues]

ZULKIFLY MUDA¹

NIZAITA OMAR^{2*}

ZURAIRATUL ZAKIAH RAJID¹

NURZAKIAH RAMLEE¹

CECEP SOLEH KURNIAWAN¹

Abstrak

Maqasid syariah merupakan ruh syariat dengan makna tersirat yang membawa matlamat syariat dalam setiap hukum yang ditetapkan oleh syarak. Teori dan konsep yang dibangunkan dalam Maqasid Syariah menekankan bentuk dan tujuan syariat dalam menjamin kepentingan hidup manusia. Oleh itu, Maqasid Syariah meletakkan dua asas penting iaitu membawa kemaslahatan (*jalbu masalih*) dan menolak keburukan (*dar'u mafasid*) bagi mendepani isu yang timbul. Hari ini, Maqasid Syariah dilihat sebagai solusi penting dalam penentuan hukum syarak bagi permasalahan semasa yang timbul dalam kalangan masyarakat Islam. Perbincangan Maqasid Syariah tidak lagi dibincangkan dalam skala kecil bahkan menjadi medan diskusi di peringkat global dalam bentuk universal. Terdapat beberapa kajian telah membahaskan kedudukan Maqasid Syariah sebagai sandaran dalam penentuan hukum bagi mendepani permasalahan fiqh semasa. Justeru, kajian ini akan meneliti dan memperhalusi setiap pandangan yang diutarakan oleh para ulama' silam dan kontemporari serta hujah semasa yang dikemukakan oleh pengkaji Maqasid Syariah. Kajian ini menggunakan metod analisis dokumen bagi menghimpunkan pandangan para ilmuwan muktabar terhadap perbincangan berkaitan Maqasid Syariah dan seterusnya menyimpulkan kedudukannya sebagai sandaran hukum semasa. Di samping itu, temu bual dengan pihak berkepentingan turut dijalankan bagi mendapat input semasa dan terkini berhubung kefatwaan yang melibatkan elemen Maqasid Syariah. Hasil kajian mendapati Maqasid Syariah berwibawa untuk dijadikan sebagai parameter sekaligus menjadi sandaran dalam penentuan hukum dan penetapan fatwa berhubung permasalahan semasa dengan disiplin dan tatacara yang kemas mendukung ruh syariat. Pengukuran kepada suatu kemaslahatan dan keburukan dihasilkan bukanlah atas pertimbangan akal semata-mata tetapi berasaskan kepada kefahaman yang mendalam dan menyeluruh terhadap himpunan nas syarak

Kata Kunci: Maqasid Syariah, maslahat, fiqh semasa, fatwa.

¹ Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam, Spg 347, Jalan Pasar Gadong BE 1310 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

² Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Corresponding Author:

NIZAITA OMAR, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

E-mail: nizaitaomar@unisza.edu.my

Abstract

Maqasid Shariah (Shariah Objectives) are the spirit of Islamic law, carrying implicit meanings that aim to fulfill the purposes of Shariah in every law established by Islamic jurisprudence. The theories and concepts developed within Shariah Objectives emphasize the form and goals of Shariah in ensuring the well-being of human life. Therefore, Maqasid Shariah lay down two essential principles: promoting benefits (*jalbu masalih*) and preventing harm (*dar'u mafasid*) in addressing emerging issues. Today, Shariah Objectives are seen as a solution for addressing contemporary problems within the Islamic community. The discussion on Shariah Objectives is no longer confined to a small scale; it has become a global field of discourse in a universal form. Various writings have been identified that discuss the function of Maqasid Shariah as a measure in determining laws to address current fiqh issues. Hence, this study will examine and refine the views expressed by both ancient and contemporary scholars, as well as the current arguments presented by Maqasid Shariah researchers. This study employs content analysis methodology to establish a halal and tayyib (pure and wholesome) parameter for food product innovations based on Shariah Objectives. The results of the study find that Shariah Objectives are authoritative and can serve as a parameter and foundation for determining laws and issuing fatwas on contemporary issues. The measurement of benefit and harm is not solely based on rational considerations but needs to be guided by in-depth knowledge and mastery of the collection of Shariah evidence.

Keywords: Maqasid Shariah (Shariah Objectives), benefits, contemporary fiqh, fatwa.

Cite This Article:

Zulkifly Muda, Nizaita Omar, Zurairatul Zakiah Rajid, Nurzakiah Ramlee & Cecep Soleh Kurniawan. (2024). Dimensi maqasid syariah dalam hujah pematwaan isu masa kini. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 6(1), 1-12.

PENGENALAN

Islam merupakan agama Allah S.W.T untuk seluruh umat manusia yang sesuai dipraktikkan untuk semua lapisan tanpa mengira lokasi sepanjang zaman. Ajarannya terbukti bersifat dinamik dan mempunyai objektif (*maqasid*) yang jelas yang dalam berinteraksi dengan hidup manusia sejagat. Kemunculan ilmu Maqasid Syariah dalam disiplin pengajian Islam menyerlahkan lagi keunggulan dan kewibawaan ajaran Islam. Ini kerana Maqasid Syariah dihasilkan daripada penelitian yang menyeluruh dan mendalam terhadap himpunan nas wahyu yang telah diturunkan oleh Allah kepada manusia (Al-Raysuni, 1999) bagi merungkai setiap permasalahan kehidupan manusia agar sentiasa menepati kehendak syarak. Pendekatan ini membuktikan kesyumuluan ajaran Islam yang mampu berinteraksi merentasi lokasi dan zaman. Sekali gus, turut memperlihatkan kewibawaan para ulama bersikap lebih moderat dan universal dalam memandangkan syariat sebagai ajaran yang relevan untuk dipraktikkan (Mohd. Rumaizuddin, 2012).

DEFINISI MAQASID SYARIAH OLEH FUQAHA DAN USULIYYIN

Pelbagai definisi telah dikemukakan oleh ulama' usul fiqh tentang istilah Maqasid Syariah. Hakikatnya, para ulama' terdahulu tidak pernah menyatakan definisi secara khusus terhadap Maqasid Syariah termasuklah Al-Syatibi yang dianggap pelopor kepada ilmu maqasid (Al-Obeidi, 1992). Namun apa yang jelas, konsep dan kandungan maqasid telah dikupas dalam karya-karya mereka bahkan dijadikan sandaran oleh ulama' kontemporari mendefinisikan istilah Maqasid Syariah (Mohd. Yusri, 2019). Ini kerana, nilai maqasid syara' itu terkandung dalam setiap ijihad dan hukum-hukum yang dikeluarkan oleh mereka dan nilai tersebut sememangnya telah terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah (al-Durayni, 1997).

Dari segi bahasa, Maqasid Syariah merupakan gabungan dua perkataan iaitu *maqasid* dan *syariah*. *Maqasid* adalah kata jamak kepada *maqsad* iaitu kata terbitan kepada kata kerja *qasada*, *yaqsidu*, *qasd* dan *maqsad* yang mempunyai beberapa maksud iaitu (i) mendatangi sesuatu dan menghalu ke arahnya; (ii) lurus dan tidak bengkok; (iii) adil, pertengahan dan tidak melampau; dan (iv) memecahkan atau pecahan (Ibn Faris, 1985). Manakala syariat Islam ditakrifkan sebagai aturan beragama dan hukum yang Allah S.W.T kepada hambaNya melalui Al-Qur'an dan sunah Nabi Muhammad S.A.W (Zaidan, 1990).

Maqasid Syariah tidak pernah diberikan definisi secara spesifik oleh ulama' silam. Malah, al-Syatibi yang terkenal sebagai pelopor ilmu Maqasid Syariah sendiri tidak pernah memberikan definisi tertentu. Namun, pelbagai bentuk pemakaian Maqasid Syariah hakikatnya telah ditemui dalam karya mereka sehingga dijadikan panduan oleh ulama' mutakhir selepas mereka (Mohd. Yusri, 2019). Ini kerana, nilai Maqasid Syariah tersebut terkandung dalam setiap ijihad dan hukum-hukum yang dikeluarkan oleh mereka dan nilai tersebut sememangnya telah terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah (al-Duraini, 1997).

Maqasid Syariah menerima definisi yang pelbagai dalam kalangan fuqaha' dan usuliyyin. Secara umumnya, Maqasid Syariah ditakrifkan sebagai makna dan tujuan yang dikehendaki syara' dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi kemaslahatan umat manusia. Adapun definisi khusus yang dikemukakan oleh para fuqaha' adalah sebagaimana berikut:

i. Al-Syatibi

Tiada definisi spesifik. Meletakkan dua asas iaitu tujuan pencipta syariat iaitu Allah SWT dan tujuan penerima syariat iaitu manusia (Al-Syatibi, 2004).

ii. Ibn 'Ashur

Mendefinisikan Maqasid Syariah dalam dua bentuk iaitu am dan khas. Pertama, *Maqasid Ammah* didefinisikan sebagai pengertian dan hikmah yang dititikberatkan dalam keseluruhan atau sebahagian besar perundangan Islam yang tidak hanya dikhususkan kepada hukum tertentu sahaja. Penjelasan yang diberikan dalam konteks *Maqasid Ammah* adalah sebagai memelihara peraturan, menarik kebaikan, menolak keburukan, kesaksamaan kepada semua manusia, memartabatkan syariah, memperkukuhkan kelangsungan umat dan sebagainya. Bentuk ini yang dapat dilihat dalam hukum-hukum yang wajib dan melibatkan semua individu secara umum (Ibn Ashur, 2001). Kedua, *Maqasid Khassah* didefinisikan sebagai metod yang diaplikasikan oleh syara' bagi merealisasi objektif manusia yang bermanfaat atau untuk memelihara kepentingan umum mereka dalam urusan tertentu mereka. Ini termasuklah setiap hikmah yang

dipelihara dalam pensyariaan hukum yang berkait dengan aktiviti hidup manusia, contohnya, tujuan perjanjian dalam kontrak gadaian, mewujudkan sistem atau undang-undang kekeluargaan dalam akad perkahwinan, menolak kemudaratan dalam pensyariaan perceraian dan seumpamanya (Ibn Ashur, 2001).

iii. 'Ilal al-Fasi

Mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai rahsia pensyariaan bagi setiap hukum yang ditentukan oleh Allah merangkumi objektif umum dalam frasa yang pertama iaitu matlamat syari'ah secara umum dan objektif khusus iaitu rahsia di sebalik setiap hukum. dalam frasa kedua ('Ilal, 2011). Walau bagaimanapun definisi ini telah dikritik oleh Iwad bin Muhammad al-Qarni. Beliau mengkritik pendefinisian ini dengan mengatakan bahawa perkataan rahsia adalah kurang sesuai digunakan kerana rahsia bukanlah maqasid secara mutlak. Ada kalanya sesuatu rahsia itu menjadi maqasid dan pada ketika lain ia bukanlah maqasid kepada sesuatu (Al Qarni, 1998).

iv. Al-Raysuni

Mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai matlamat yang ditetapkan oleh syariah dalam merealisasikan kemaslahatan umat manusia. Beliau telah membahagikan Maqasid Syariah kepada tiga bahagian, iaitu (1) *Maqasid Ammah*, (2) *Maqasid Khassah* dan (3) *Maqasid Juziyyah*. Pertama, *Maqasid Ammah* ialah objektif yang terpakai dan diambilkira oleh syara' dalam menentukan semua atau sebahagian besar hukum. Sebagai contoh, konsep keadilan yang terdapat dalam semua hukum syara'. Kedua, *Maqasid Khassah* ialah yang diambilkira oleh syariah dalam menentukan kelompok hukum tertentu. Sebagai contoh, hukum kekeluargaan. Ketiga, *Maqasid Juziyyah* ialah apa yang diambilkira oleh syariah dalam menentukan sesuatu hukum tertentu sebagai contoh, hukum sunat berkahwin (Al-Raysuni, 2010).

v. Wahbah al-Zuhayli

Mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai makna atau nilai dan tujuan yang dapat dicungkil daripada semua hukum atau sebahagian besarnya dan difahami sebagai matlamat daripada syari'ah dan rahsia yang diletakkan oleh Syari' dalam setiap hukum (Al-Zuhayli, 2004).

vi. Al-Yubi

Mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai makna dan hikmah atau seumpamanya di mana Syari' memeliharanya dalam pentasyriaan tersebut baik secara umum mahupun khusus demi merealisasikan kemaslahatan umat manusia (Al-Yubi, 1998)

vii. Muhammad Bakr

Mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai suatu kepentingan sama ada segera mahupun bertanggung yang dikehendaki oleh Allah SWT kepada para hambaNya yang menganut Islam dan kepada mereka berpegang dengan syariatNya (Muhammad Bakr, 2006).


viii. Yusuf Al-Qaradawi

Mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai hikmah disebalik ketetapan tujuan bagi hukum yang disyariatkan kepada manusia (Al-Qaradawi, 2006).

ix. Jaser Awda

Mendefinisikan Maqasid Syariah adalah suatu tujuan, sasaran, prinsip yang ingin dicapai dalam penerapan hukum syari'ah iaitu untuk meraih kemaslahatan atau mencegah daripada kemudaratan. Membentuk anjakan paradigma melalui pengembangan kepada pendekatan sistem bercirikan (i) Kognisi (*cognition*) (2) Keseluruhan (*wholeness*) (3) Keterbukaan (*openness*) (4) Hiraki yang Berhubung (*interrelated-hierarchy*) (5) Multi-demensi (*multidimensionality*) dan (6) Terarah (*purposeful*). Juga, penetapan Maqasid Syariah atas tujuan perlindungan dan penjagaan dikembangkan kepada pembangunan (*development*) dan hak manusia (*human right*) (Awda, 2007).

Berdasarkan kepada definisi yang dikemukakan, persamaan dalam mendefinisikan Maqasid Syariah dikenal pasti wujudnya elemen (i) objektif atau tujuan atau matlamat; (ii) hukum; dan (iii) *masalah* atau kepentingan atau kebaikan manusia (Rajah 1). Jelas daripada huraian pengertian yang diutarakan oleh para ulama bahawa Maqasid Syariah merupakan satu pendekatan yang penentuan suatu hukum terhadap isu berbangkit dengan meneliti kepada aspek kemaslahatan bagi mencapai matlamat syariat. Hakikatnya, pendekatan Maqasid Syariah adalah bagi mendukung syariat itu sendiri dan ia berlaku hasil daripada kefahaman yang mendalam dan menyeluruh terhadap nas syarak (Muhammad Nizar, 2018).



Rajah 1: Elemen utama dalam definisi Maqasid Syariah

Elemen utama Maqasid Syariah ini dapat diperhatikan sebagaimana dalam Jadual 1.

Jadual 1: Definisi Maqasid Syariah oleh Ilmuan Islam

Tokoh	Definisi
Al-Syatibi	Tiada definisi spesifik. Meletakkan dua asas iaitu tujuan pencipta syariat dan tujuan penerima syariat iaitu manusia.
Ibn ‘Ashur	Segala makna yang dirumuskan bagi himpunan (hukum) yang disyariatkan sama ada berlaku dalam bentuk keseluruhannya ataupun sebahagian besar daripadanya.
‘Ilal al-Fasi	(Matlamat) kepada syariat dan rahsia di sebalik setiap (hukum) yang ditetapkan oleh syarak
Ahmad Al-Raysuni	(Matlamat) yang ingin dicapai oleh syariat demi (kepentingan) manusia
Al-Yubi	Makna dan hikmah yang diambil perhatian dalam penentuan sesuatu (hukum) syarak yang bersifat umum mahupun khusus (bermatlamat untuk membawa kebaikan)
Muhammad Bakr	Suatu (kepentingan) sama ada segera mahupun bertanggung yang dikehendaki oleh Allah SWT kepada para hambaNya
Yusuf al-Qaradawi	Hikmah di sebalik ketetapan (tujuan) bagi (hukum) yang disyariatkan kepada manusia.
Wahbah Al-Zuhayli	(Tujuan) dan nilai yang dapat dicungkil daripada penetapan (hukum) sama ada kepada keseluruhan hukum yang disyariatkan atau sebahagiannya.
Jasser Awda	Suatu (tujuan) , sasaran, prinsip yang ingin dicapai dalam penerapan (hukum) syariah iaitu untuk meraih (kemaslahatan) atau mencegah daripada kemudaratan.

Dalam menganalisis pengertian dan konsep Maqasid Syariah yang diperbahaskan oleh ulama’ usul dan fuqaha’, ‘Abd Allah ibn Bayyah merumuskan kepada tiga bentuk penggunaannya, iaitu (i) maqasid sebagai hukum dan matlamat, (ii) maqasid sebagai jalan yang merealisasikan hukum dan (iii) maqasid sebagai tujuan atau niat bagi mukallaf dan matlamat mereka (Mohd. Anuar, 2016).

Tegasnya, Maqasid Syari’ah merupakan falsafah pensyariatan Islam itu sendiri yang diciptakan oleh Allah SWT untuk tujuan kemaslahatan dan kesejahteraan manusia. Justeru, dalam perbincangan literatur, Maqasid Syariah turut dikaitkan dengan dengan masalah, kerana objektif syari’ah adalah secara langsung untuk memenuhi tuntutan jalb al-maslahah wa dar’ al-mafsadah. Bersandarkan justifikasi ini maka sebahagian fuqaha’ menggunakan *masalih* (kepentingan umum) sebagai ungkapan alternatif kepada maqasid. Sebagai contohnya, Al-Juwayni menggunakan istilah maqasid dan *masalih* secara bertukar ganti dalam kitabnya (Mohammad Ismail, 2016).

TAHAP KATEGORI MAQASID SYARIAH

Kategori maqasid berasaskan kepentingan manusia atau *masalah* yang memberi impak kepada kualiti hidup mereka dapat dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu:

Pertama: *Maqasid Daruriyyah* dengan meletakkan masalah asasi bagi manusia terdiri daripada lima perkara iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda (Imam al-Ghazali, 1983; Khairil Anwar, 2021). Hanya dengan memelihara kelima-lima perkara ini maka segala urusan hidup akan berjalan sempurna dan teratur. Dimensi *Maqasid Daruriyyah* ini turut diperluaskan oleh sarjana masa kini (Jaser Awdah, 2008; Ari Murti, 2021; Ahlun, 2021).

Al Ghazali (1983) pernah menegaskan kaitan *masalah daruriyyah* dengan Maqasid Syariah:

“...Matlamat syari’at Islam ialah menjaga lima perkara asasi bagi manusia iaitu menjaga agama, diri, akal, keturunan dan harta mereka. Setiap perkara yang terkandung di dalamnya penjagaan terhadap lima perkara di atas, maka ia dinamakan masalah. Sebaliknya setiap perkara yang boleh meluputkan penjagaan terhadap lima perkara tersebut dipanggil mafsadah.”

Penjagaan terhadap masalah daruriyyat juga disebut dalam firman Allah yang bermaksud:

“Wahai nabi, apabila orang-orang perempuan yang beriman datang kepadamu untuk memberikan pengakuan taat setia, bahawa mereka tidak akan melakukan syirik kepada Allah dengan sesuatupun, dan mereka tidak akan mencuru, mereka tidak akan berzina, mereka tidak akan membunuh anak-anak mereka dan mereka tidak akan melakukan dusta yang mereka ada-adakan dari kemahuan hati mereka, dan mereka tidak akan menderhaka kepadamu dalam sesuatu perkara yang baik, maka terimalah pengakuan taat setia mereka dan pohonkanlah pengampunan kepada Allah pengampunan dosa mereka, sesungguhnya Allah maha pengampun lagi maha mengasihani.” (al-Mumtahanah: 12)

Kedua: *Maqasid Hajiyyat* iaitu suatu kepentingan yang memberi kemudahan dan keselesaan kepada manusia dan menghindarkan mereka daripada kesukaran dan kesulitan dalam menjalani urusan kehidupan. Peranan *hajiyyat* ialah menyediakan satu kaedah pengamalan berteraskan kepada *al-samahah* atau yang tidak membebankan manusia secara melampau (Zulkifly, 2006). Konsep yang dimainkan oleh *hajiyyat* ini disebut melalui firman Allah yang bermaksud:

“Tidaklah Allah menjadikan ke atas kamu di dalam urusan agama daripada kesulitan.” (al-Maidah: 6)

Firman Allah lagi yang bermaksud:


“Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.” (al-Baqarah: 185).

Ketiga adalah *Maqasid Tahsiniyyat* atau *Kamalat* yang dibina sebagai pelengkap dan penyempurna bagi kehidupan manusia. Di bawah *masalah* ini, manusia dikehendaki agar

berpegang kepada adat yang baik, adab dan budi pekerti yang mulia serta budaya yang sihat bagi mengelakkan kecacatan yang mencemarkan kehidupan mereka (Mohd Rumaizuddin, 2018). Suruhan memilih binatang-binatang yang lebih utama dalam aktiviti qurban dan aqiqah adalah antara contoh yang menyempurnakan masalah tahsiniyyat sebagaimana yang disebutkan dalam al Quran yang bermaksud:

“Dan janganlah sengaja kau memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau jadikan pemberian zakat), pada hal kamu sendiri tidak akan mengambil yang buruk itu (kalau diberi kepadamu) kecuali dengan memejam mata kepadanya.” (al-Baqarah: 267)

Ringkasan tahap maqasid berasaskan masalah atau kepentingan manusia dilakarkan sebagaimana Rajah 2 di bawah.



Rajah 2: Tahap Kategori Maqasid

SUSUNAN KEUTAMAAN FUNGSI MASLAHAH

Secara umumnya, perbincangan ini menyentuh tiga perkara iaitu:

Pertama: Ketiga-tiga matlamat syariat atas nama masalah manusia tidaklah berasingan di antara satu dengan yang lain, dengan sebahagiannya menyempurnakan bahagian yang lain. *Daruriyyat* umpamanya menjadi sempurna dengan wujudnya perkara *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Begitu juga dengan *hajiyyat* menjadi sempurna dengan perkara *tahsiniyyat*. Berdasarkan kepada turutan yang diketengahkan dalam kategori *masalah*, maka hukum Islam yang berkaitan dengan pemeliharaan *daruriyyat* adalah yang terpenting. Oleh sebab itu timbulnya konsep (al-Syatibi, 2004):

- i. Tidak diambil kira hukum *tahsiniyyat* sekiranya ia membawa kepada kemudaratan kepada perkara hukum *hajiyyat* atau *daruriyyat*. Sebagai contoh, penutupan aurat dikategorikan *tahsiniyyat* dan apabila wujudnya keperluan membuka aurat ketika rawatan demi penjagaan nyawa yang merupakan *daruriyyat*, maka pengharaman membuka aurat digugurkan pengamalannya kerana keutamaan diberikan kepada aspek *daruriyyat*.
- ii. Tidak diambil kira hukum *hajiyyat* sekiranya ia membawa kepada pembatalan kepada perkara *daruriyyat*. Umpamanya, pelaksanaan solat adalah wajib dan termasuk dalam *daruriyyat* iaitu menjaga agama. Adapun syarat tertentu dalam penyempurnaan ibadah solat dikategorikan sebagai *hajiyyat* kerana ia lebih berbentuk wasilah (jalan) kepada perlaksanaan ghayat (matlamat) iaitu ibadat solat. Sekiranya matlamat (solat) tidak dapat dilaksanakan disebabkan kesusahan untuk melaksanakan wasilah (mengadap kiblat contohnya), maka perkara kedua ini harus diketepikan dan perkara pertama mestilah dilaksanakan.

Kedua: Lima kategori yang diletakkan di bawah masalah daruriyyat iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta adalah tidak sama kedudukannya antara satu sama lain. Urutan kedudukan yang didahului dengan memelihara agama, diikuti dengan memelihara jiwa, memelihara akal, memelihara keturunan dan diakhiri dengan memelihara harta adalah urutan secara ilzam yang perlu diberi keutamaan mengikut kedudukannya (Al-Amidi, 1985; Al Najjar, 1997). Kebanyakan ulama' silam dan masakini meletakkan Maqasid Syariat yang paling agung mengatasi objektif yang lainnya ialah memelihara agama kerana ia merupakan objektif utama diutuskan para rasul (Mohd Rumaizuddin, 2018).

Ketiga: Para ulama telah menetapkan urutan mengikut keutamaan sumber ajaran Islam. Jika *masalah* didasarkan kepada teks yang diambil daripada al-Qur'an dan sunnah, maka *masalah* dianggap muktabar dan tiada ruang untuk diperdebatkan. Begitu juga sebaliknya, sekiranya *masalah* yang ditetapkan bertentangan dengan teks yang nas qat'i, maka *masalah* tersebut tertolak dan dianggap batal.

Adapun *masalah* yang tiada dalam nas al-Qur'an dan Sunnah, maka situasi ini membolehkan ulama' untuk merujuk pada analisis dan berijtihad dengan syarat yang ketat iaitu (i) analisis perlu dilakukan dengan sangat cermat untuk memastikan *masalah* yang ditentukan adalah suatu hakikat sebenar, bukannya mengikut logik akal semata; (ii) *masalah* harus bersifat umum (*kulliyat*) yang bermanfaat kepada semua, bukan hanya pada sekelompok, kelas, atau individu tertentu; dan (iii) *masalah* tidak boleh bertentangan atau berlawanan dengan nas al-Qur'an atau Sunnah yang sahih (Wafa, 2021).

SUSUNAN KEUTAMAAN SASARAN MAQASID

Maqasid Syariah mempengaruhi penetapan dan penentuan suatu hukum syarak turut dibahagikan berasaskan kepada susunan sasaran berikut (Muhammad Nizar, 2018):

Pertama: Maqasid Ammah


Tujuan nas syarak secara keseluruhannya seperti menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Tujuan untuk memudahkan dan tidak menyusahkan, tujuan untuk menjaga sistem kehidupan manusia supaya teratur, tujuan manusia menjadi khalifah di atas muka bumi ini dan tujuan untuk mendatangkan kebaikan serta menjauhkan keburukan.

Kedua: Maqasid Khassah

Tujuan syarak dalam sesuatu bab tertentu seperti tujuan syariah dalam bidang jenayah, harta dan kekeluargaan. Setiap kelompok hukum tersebut mempunyai tujuannya yang tersendiri dan menyokong *Maqasid Ammah*.

Ketiga: Maqasid Juz'iyah

Tujuan syariah pada setiap hukum yang berkaitan dengan sesuatu persoalan secara khusus seperti pengharaman arak kerana ia memabukkan, pengharaman bangkai kerana ia memudaratkan kesihatan dan kewajipan menunaikan zakat bagi membantu golongan yang memerlukan. Maqasid ini juga dinamakan sebagai *hikmah, illah, rahsia syarak dan ma`na*.



Rajah 3: Susunan Keutamaan Sasaran Maqasid

TAHAP KEUPAYAAN DALAM MELAKSANAKAN TUNTUTAN AGAMA

Setiap insan tidak sunyi daripada menghadapi suasana yang tidak memungkinkan dirinya melaksanakan perintah agama dengan sempurna. Oleh itu Islam memperkenalkan dua prinsip penting iaitu *al-‘azimah* dan *al-rukhsah*. Kedua-dua prinsip tersebut sangat berhubung rapat dengan Maqasid Syariah terutamanya pada tahap kedua *masalah* iaitu *masalah al-hajiyyat*. *Al-‘Azimah* adalah hukum asal syariat yang wajib dilaksanakan tanpa melihat kepada status atau situasi ketika ketiadaan darurat atau seumpamanya (Saad, t.th; Khalaf, t.th; Zakiy al-Din, t.th).

Contoh berasaskan *al-‘azimah* ialah memakan makanan yang thabit kehalalannya menerusi nas syarak dan meninggalkan makanan haram yang menjadi tegahan syarak seperti arak, darah dan lainnya. Manakala *al rukhsah* pula hukum syariat yang terpakai ketika keadaan yang mendesak (darurat) dan seumpamanya yang sifat hukum tersebut bercanggah dengan hukum asal iaitu *al-‘azimah* (Al-Amidi, 1985). Contoh hukum yang berasaskan *al-rukhsah* adalah Contoh hukum yang berasaskan *al-rukhsah* adalah fatwa yang mengharuskan meninggalkan solat Jumaat ketika wabak Covid-19 melanda negara sebagai usaha memerangi penularan wabak demi melindungi nyawa.

KESIMPULAN

Hakikat yang perlu diperakui bahawa Maqasid Syariah merupakan ruh syariat yang jelas berupaya untuk berinteraksi dan berperanan dalam memberikan jawapan hukum dan solusi bagi mendepani isu semasa. Perkara yang tidak dapat diqiyyaskan dengan nas-nas syarak yang sedia ada melibatkan kemaslahatan atau kemudaran perlu ditentukan hukumnya berasaskan Maqasid Syariah. Kefahaman mengenai Maqasid Syariah adalah prasyarat penting untuk seseorang berjihad dan memberi kefahaman masyarakat daripada terbelenggu dengan *taqlid*.

Kajian ini telah mengemukakan empat dimensi Maqasid Syariah sebagai asas dalam menjadikan Maqasid Syariah sebagai sandaran hujah pempfatwaan berkait isu semasa. Empat dimensi tersebut adalah sebagaimana Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Dimensi Maqasid Syariah dalam Penentuan Hukum Semasa

1. Tahap Kategori Maqasid
<i>Maqasid Daruriyyah</i>
<i>Maqasid Hajiyyat</i>
<i>Maqasid Tahsiniyyat</i>
2. Susunan Keutamaan Sasaran Maqasid
<i>Maqasid Ammah</i>
<i>Maqasid Khassah</i>
<i>Maqasid Juz'iyah</i>
3. Susunan Keutamaan Fungsi Masalah
Keutamaan dalam Kategori Masalah
Keutamaan dalam Masalah Daruriyyah
Keutamaan dalam Dalil/Sumber Syariat
4. Keupayaan dalam Melaksanakan Tuntutan Agama
<i>Al-'azimah</i>
<i>Al-rukhsah</i>

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan dirakamkan kepada Universiti Islam Sharif Ali atas pemberian Geran Penyelidikan UNISSA 2023 bagi kajian bertajuk Pembentukan Model Fatwa Komprehensif Berasaskan Maqasid Syariah bagi Negara Brunei Darussalam: Kajian terhadap Fatwa 2012-2022.

RUJUKAN

- al-Amidi, Abu Hasan Ali (1985). *Al-Ihkam Fi Usul Al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Awda, Jaser (2008). *Maqasid al-Shariah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- al-Durayni Muhammad Fathi (1997). *al-Manahij al-Usuliyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah al-Fasi, 'Ilal (2011). *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah wa Makarimuha*. Cairo: Dar al-Salam.
- al-Fayyumi, A.I.M.I. Ali. (t.th). *Al-Miṣbāḥ al-Munīr Fi Gharīb al-Sharḥ al-Kabir*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad (1983). *al Mustasfa fi Ilm al Usul*. Beirut: Dar al Kutub al Ilmiyyah.
- Ibn al-Najjar (1997). *Mukhtasar Al-Tahrir fi Usul al-Fiqh*. Jordan: Maktabah al-Ubaykan.
- Ibn Ashur, M. Tahir. (2001). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Ibn Faris, Ahmad al-Qazwini (1985). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Jamaluddin Muhammad Ibn Mukarram Ibn Mandzur (t.th), *Lisan al-'Arab*, Kaherah: Dar al-Mishriyyah.
- al-Juwaini, Abu al-Ma'ali (t.th). *al Muwafaqat fi al Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al Ilmiyyah
- Khairil Anwar, Mohd Soberi Awang & Mualimin Mochammad Sahid (2021). *Maqasid Syariah Menurut Imam Al-Ghazali dan Aplikasinya dalam Penyusunan Undang-Undang Islam Di Indonesia*. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(2), 75 - 87.
- Khalaf (t.t.). *Ilm Usul Fiqh*. Kuwait: Dar al Qalam

- Manna' al-Qattan (t.th). *al-Tasyri' wa al-Fiqh fi al-Islam*. Kaherah: Muassasah al-Risalah
- Mohamad Ismail Yunos. (2016). *Maqasid Al-Syariah*. Bangi: Universiti Terbuka Malaysia
- Mohd. Anuar Ramli. (2016). Pemakaian Maqasid Al-Shariah (Objektif Syariah) sebagai Seismograf dalam Penilaian Isu Semasa. Dlm. Noor Naemah Abdul Rahman, Abdul Karim Ali, Ridzwan Ahmad. *Maqasid al-Shari'ah: Konsep dan Pendekatan*, hlm. 111-136. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh & Usul, APIUM.
- Mohd. Rumazuddin Ghazali. (2012). *Yusuf Al-Qardawi dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. Nilai: Universiti Islam Sains Malaysia.
- Muhammad Abu Zuhrah. (1997) *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al- 'Arabi.
- Muhammad al-Tahir Ibn 'Ashur. (1998). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. t.tp.: al-Basha'ir Li al-Intaj al-'Ilmi
- Muhammad Aziz. (2014). Metode identifikasi maqashid al-shariah Muhammad Tahir bin Ashur. *Marj' Jurnal Studi Keislaman*. 1(1), 217 -221
- Muhammad Bakr Isma'il Habib. (2006). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah: Ta'silan wa Taf'ilan*. Arab Saudi: Rabitah al-'Alam al-Islami
- Muhammad Nizar Alias, Maimun Aqhsa Lubis, Mohd Sham Kamis, Muhammad Adib Samsudin, Anwar Fakhri Omar, & Ahmad Irdha Mokhtar (2018). Maqasid Syariah sebagai Sandaran Hukum menurut Mazhab Syafie. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, Volume 2(1), 48-58.
- Muhammad Yusri Ibrahim (2019). Maqasid Al-Shariah: Sejarah perkembangan serta sumbangan para ulama usul al-fiqh awalin dan muta'akhirin. *International Research Journal of Syariah, Muamalat and Islam*, 1(2), 18-30.
- al-Qaradawi, Yusuf. (2006). *Dirasah fi Maqasid al-Shari'ah*. Kaherah: Dar al Shuruq
- al-Qarafi, Abi al-'Abbas Ahmad Idris. (1998) *Al-Furuq Anwar al-Buruq fi Anwa' al-Furu*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Raghib al-Ashfahani. (t.th). *Mu'jam Mufradat al-Fazh al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr
- al-Raysouni, Ahmad. (2010). *Madkhal ila Maqasid Syari'ah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Raysouni, Ahmad. (1995). *Nazariyyat al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Shatibi*, cet. 4, Riyadh: al-Dar al-Alamiah li al-Kitab al-Islami.
- al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim. (2004). *al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Yubi, Muhamad Saad Ahmad (1998). *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiah*. Riyadh: Dar al-Hijrah.
- al-Zuhayli, Wahbah (2006). *Usul Al-Fiqh Al-Islami*. Beirut: Dar Al-Fikr